

# Polis mahu selesai segera siasatan

UM 10 DEC 2002

KOTA KINABALU 9 Dis. — Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Ramli Yusuff berkata, keutamaan pihaknya kini ialah menyelesaikan segera siasatan membabitkan gadis 13 tahun yang mendakwa dirogol di Pusat Tahanan Sementara (PTS) Menggatal, di sini, beberapa bulan lalu.

Beliau berkata, polis akan menyelesaikan kes berkenaan dengan segera mengikut proses undang-undang dan menjangka tidak

akan menghadapi masalah, lebih-lebih lagi setelah mangsa dibawa pulang ke Malaysia.

Siasatan akan dijalankan mengikut prosedur biasa kes rogol iaitu di bawah Seksyen 376 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara mandatori maksimum 20 tahun serta sebatan jika sabit kesalahan, katanya di sini hari ini.

Ditanya bilakah siasatan polis ke atas gadis itu akan dibuat, beliau berkata: "Kita

akan buat secepat mungkin selepas semua urusan berkaitan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat selesai.

"Kita akan selesaikan segala proses penyiasatan termasuk mengadakan kawat cam."

Ditanya adakah ibu bapa gadis itu akan turut disoalsiasat beliau berkata: "Ya, kita akan memanggil semua yang berkaitan".

Pada 5 September lalu, polis menubuhkan

## kes gadis dakwa dirogol

pasukan penyiasat khas kes itu yang diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah Siasatan Khas Bukit Aman, Asisten Komisioner Takbir Ahmad Nazir.

Kes itu menarik perhatian apabila pada 4 September lalu di Manila, Presiden Gloria Macapagal Arroyo menghantar sepucuk surat kepada Datuk Seri Dr. Mahathir meminta Perdana Menteri mengambil tindakan segera terhadap aduan gadis itu.

Gadis itu yang tidak mempunyai sebarang dokumen perjalanan diri dihantar ke Filipina bersama pendatang asing tanpa izin yang lain pada Julai lepas selepas ditahan dalam Ops. Nyah II Bersepadu yang dijalankan di seluruh Sabah.

Kepulangan gadis itu, yang kemudian disahkan sebagai warganegara Malaysia, akan membolehkan polis menyelesaikan kes tersebut dengan lebih mudah.